



MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK-21)

AKTIVITI 1 *Bangun-Duduk (TakeOff-TouchDown)*

Tugasan

1. Guru menampalkan 10 pernyataan yang ditulis pada kertas kadbod dan ditampalkan pada papan hitam.
2. 10 orang murid akan dipilih untuk membaca pernyataan-pernyataan tersebut.
3. Murid-murid lain akan bangun sekiranya mereka bersetuju dengan pernyataan yang dibaca itu.
4. Murid-murid yang tidak bersetuju dengan pernyataan yang dibaca itu akan duduk.
5. Murid-murid dan guru akan berbincang tentang pernyataan yang dibacakan itu. Semasa sesi ini, murid-murid boleh memberikan alasan atau jawapan yang tepat bagi mengukuhkan pendirian mereka.
6. Proses ini diulang sehingga selesai semua pernyataan yang disediakan itu.

Contoh Cadangan Pernyataan

Pernyataan 1	Maksud rangkap ketiga <i>Pantun Nasihat</i> ialah orang yang merantau selalunya akan merendah diri apabila berada di tempat orang.
Pernyataan 2	Tema <i>Syair Nasihat (Penghujung Thamarat al-Muhimmah)</i> ialah nasihat bapa kepada anak tentang kepentingan menuntut ilmu pengetahuan jika anaknya dilantik sebagai raja atau menteri supaya dapat memimpin negara dengan jujur dan ikhlas.
Pernyataan 3	<i>Dia seorang saja yang tak beri kata putus; Anak Mak Wan seorang saja yang tolak tuah.</i> Petikan di atas merupakan contoh gaya bahasa anafora.
Pernyataan 4	Tema <i>Pantun Alam remaja</i> ialah kegembiraan anak-anak sewaktu menyambut kepulangan ibu bapa mereka ke rumah.
Pernyataan 5	Dengan bantuan pinjaman kewangan daripada MARA sebanyak RM15 000 dan juga simpanannya sebanyak RM5000, Zahar telah berjaya membuka bengkel perabotnya. (Dipetik daripada novel <i>Meniti Impian</i> , Tingkatan 2)
Pernyataan 6	Dalam drama <i>Mahkamah</i> , Tertuduh I tidak memahami bahasa Melayu dan meminta pendakwa raya menggunakan bahasa Inggeris.
Pernyataan 7	Binjah dalam cerpen <i>Talia dan Raksasa Qadqad</i> sangat mementingkan kekayaan semata-mata tanpa memikirkan kepentingan alam semula jadi.
Pernyataan 8	Pak Yusuf telah menyewa kereta Pak Usin, iaitu bapa saudara Suhaili untuk membawa Zahar ke IKM di Sungai Petani. (Petikan daripada novel <i>Meniti Impian</i> , Tingkatan 2)
Pernyataan 9	Antara unsur alam yang terdapat dalam sajak <i>Dalam Persekitaran Kata-kata</i> ialah samudera; pulau-pulau; pantai-pantai; langit; bumi; laut; gunung; awan; pohon; buah-buahan
Pernyataan 10	Mat Kilau membawa surat yang ditandatangani oleh Sultan Ahmad yang mengatakan bahawa Datuk Bahaman dan pengikut Datuk Bahaman telah diampunkan oleh sultan. (Dipetik daripada novel <i>Darah Titik di Semantan</i> , Tingkatan 2)

AKTIVITI 2 Fail Edar (Travelling File)

Tugasan

1. Murid-murid dibahagikan kepada tiga kumpulan. Fail disediakan mengikut bilangan kumpulan murid.
2. Setiap kumpulan akan mendapat soalan yang berbeza:
 - (a) Kumpulan 1 mendapat fail A dengan soalan – Jelaskan kepentingan perpaduan kaum
 - (b) Kumpulan 2 mendapat fail B dengan soalan – Jelaskan implikasi sekiranya perpaduan kaum tidak diamalkan
 - (c) Kumpulan 3 mendapat fail C dengan soalan – Jelaskan langkah-langkah memupuk perpaduan kaum
3. Setiap kumpulan diberikan masa 10 minit untuk melengkapkan jawapan.
4. Selepas 10 minit, fail A berpindah kepada Kumpulan 2. Fail B berpindah kepada Kumpulan 3 dan fail C berpindah kepada Kumpulan 1.
5. Setiap kumpulan boleh menambahkan isi atau menyunting jawapan yang telah diberikan oleh kumpulan terdahulu.
6. Apabila fail kembali kepada kumpulan asal, Kumpulan 1 akan menerangkan jawapan dalam fail A di hadapan A, Kumpulan 2 menerangkan jawapan fail B dan Kumpulan 3 menerangkan jawapan dalam fail C.

Contoh Cadangan Soalan

Jelaskan kepentingan perpaduan kaum.

1. Penting untuk mengekalkan kemerdekaan negara
2. Menaikkan imej negara di mata dunia
3. Dapat membangunkan ekonomi negara

Jelaskan implikasi sekiranya perpaduan kaum tidak diamalkan.

1. Keharmonian negara terjejas
2. Masyarakat hidup dalam keadaan tidak tenteram
3. Pembangunan ekonomi tidak stabil

Jelaskan langkah memupuk perpaduan kaum.

1. Menganjurkan aktiviti kemasyarakatan
2. Media massa menyebarkan mesej dan informasi positif tentang kepentingan bersatu padu
3. Rakyat haruslah mengawal nafsu diri dan tidak mengambil kesempatan dengan mencetuskan isu sensitif dan kontroversi

AKTIVITI 3 Lihat dan Jawab

Tugasan

1. Guru menayangkan video yang berkaitan dengan pakej pelancongan yang ditawarkan oleh sebuah syarikat pelancongan di Malaysia.
2. Sebelum video tersebut ditayangkan, murid-murid diberikan senarai soalan-soalan yang berkaitan dengan klip video tersebut.
3. Murid-murid diminta supaya menonton video yang ditayangkan itu dengan telitinya sambil menjawab soalan-soalan yang diberikan itu.

Contoh Cadangan Soalan

1. Syarikat manakah yang menawarkan pakej pelancongan ini?
2. Bagaimanakah cara membuat pendaftaran pakej pelancongan ini?
3. Di manakah lokasi pelancongan yang ditawarkan oleh agensi pelancongan ini?
4. Bilakah selewat-lewatnya pembayaran pakej pelancongan ini perlu dilunaskan?
5. Sekiranya ada pelanggan yang ingin membatalkan pakej atas sebab yang tidak dapat dielakkan, apakah yang perlu dilakukan oleh mereka?
6. Pada pendapat anda, apakah yang menjadi tarikan kepada masyarakat untuk mengambil pakej pelancongan ini?
7. Pada pendapat anda, jelaskan faktor-faktor yang dapat meningkatkan pelancongan di Malaysia?

AKTIVITI 4 Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

Tugasan

1. Guru mengajukan dua petikan yang mempunyai kesalahan dari segi ejaan, tanda baca, dan bahasa.
2. Pada tahap fikir, setiap murid berfikir secara individu untuk mendapatkan jawapan. Murid-murid diberikan masa selama tiga hingga lima minit.
3. Murid-murid akan mencatat jawapan yang difikirkan oleh mereka.
4. Pada tahap pasang, guru mengarahkan murid-murid duduk secara berpasangan untuk sama-sama membincangkan jawapan yang diperoleh pada tahap pertama.
5. Murid-murid menyatakan jawapan masing-masing dan berbincang untuk mendapatkan jawapan yang dipersetujui bersama.
6. Pada tahap kongsi, murid-murid akan menyatakan jawapan yang diperoleh di hadapan kelas untuk berkongsi bersama-sama rakan yang lain.
7. Guru merumuskan dengan menyatakan jawapan yang betul.

Contoh Cadangan Petikan

Petikan 1

Perpaduan kaum penting bagi menjamin keamanan negara. Jika sekiranya, masyarakat malaysia yang berbagai bangsa ini tidak mempunyai persefahaman dan toleransi di antara satu sama lain, persengketaan akan dapat dicituskan dengan mudahnya. Keadaan ini akan menyebabkan hubungan yang dingin antara masyarakat yang berpecah-belah akan tercetus. Tegasnya perpaduan kaum ialah penting demi untuk mengekalkan keamanan negara agar kemerdekaan negara kita dapat dikekalkan.

Petikan 2

Ibu bapa merupakan elemen yang signifikan dalam usaha memupuk budaya membaca dalam kalangan generasi muda. Ibu bapa harus menyediakan bahan bacaan yang menarik kepada anak-anaknya serta menggalakkan mereka supaya membaca dan menggunakannya secara maksima. Di samping itu, ibu bapa juga haruslah membawa anak-anak pergi perpustakaan awam dan kedai-kedai buku untuk memberikan peluang pada anak-anak mereka mencari buku-buku yang mereka gemari. Hal ini sedikit sebanyak dapat menyemarakkan semangat membaca di kalangan mereka dan mengajak mereka berjinak-jinak dengan bidang ilmu.

AKTIVITI 5 Kerusi Panas (*Hot Seat*)

Tugasan

1. Guru mengemukakan soalan kepada murid-murid, iaitu mengenal pasti kesan buruk pencemaran sungai serta cara-cara mengatasi masalah tersebut.
2. Murid-murid diberikan masa selama 10 minit untuk membuat rujukan dan persediaan terlebih dahulu.
3. Seorang murid dipilih ke hadapan kelas untuk bertindak sebagai "watak" dalam aktiviti ini.
4. Murid-murid lain akan mengemukakan soalan yang berkaitan dengan soalan yang dibincangkan.
5. Murid yang bertindak sebagai "watak" akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan berkaitan dengan tajuk yang diberikan oleh guru.

Contoh Cadangan Jawapan

Jelaskan kesan buruk pencemaran sungai

1. Hidupan akuatik mati dan kehilangan tempat tinggal
2. Manusia sukar untuk mendapat air bersih
3. Menjejaskan sektor pelancongan

Jelaskan cara-cara mengatasi masalah pencemaran sungai

1. Pihak berkuasa mengenakan denda yang maksimum kepada pihak yang didapati bersalah kerana mencemarkan sungai.
2. Pihak berkuasa mengadakan pemantauan dan rondaan dengan lebih kerap.
3. Pihak kerajaan menjalankan kempen kesedaran secara berterusan di media sosial.

AKTIVITI 6 Tinjauan (Survey)

Tugasan

1. Murid-murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Guru meminta murid-murid membuat tinjauan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan murid-murid tidak mahu menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.
3. Kumpulan pertama akan membuat tinjauan terhadap murid-murid tahun 4. Kumpulan kedua akan membuat tinjauan terhadap murid-murid tahun 5 manakala kumpulan ketiga akan membuat tinjauan terhadap murid-murid tahun 6.
4. Hasil tinjauan akan dibincangkan dalam perbincangan antara kumpulan masing-masing.
5. Selepas itu, perbincangan secara terbuka bersama-sama kumpulan-kumpulan lain akan diadakan.
6. Murid-murid daripada semua kumpulan juga akan berbincang bagi mendapatkan maklumat tentang cara-cara untuk meningkatkan penyertaan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum.
7. Setelah semua maklumat diperolehi, murid akan mencatatkan maklumat tersebut dalam bentuk peta minda.

Contoh Cadangan Jawapan

